

Ruj : JUPEM.BPK.100-1/2/1 (3)



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN ARAHAN
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA
SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PERMULIHAN (PKPP)
BAGI PEGAWAI DI JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

PENDAHULUAN

1. Garis Panduan ini disediakan sebagai suatu panduan kepada Warga JUPEM bekerja dengan kaedah yang selamat untuk mencegah penularan wabak COVID-19. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 07 Jun 2020 telah mengumumkan beberapa langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memasuki fasa pemulihan COVID – 19 yang akan bermula pada 10 Jun 2020. Sehubungan dengan itu, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) akan mula beroperasi sepenuhnya bermula pada 10 Jun 2020 sebagaimana arahan daripada Ketua Setiausaha Negara pada 08 Jun 2020 yang merujuk Surat Edaran Jabatan Perkhidamatan Awam Rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6(6) bertarikh 2 Mei 2020. Justeru, garis panduan ini boleh dijadikan rujukan dalam pengoperasian pejabat dan kerja di lapangan bagi JUPEM.

PELAKSANAAN

2. Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai **14 Jun 2020** sehingga **31 Ogos 2020** dan bergantung kepada arahan kerajaan dari masa ke semasa.

PENGURUSAN TATACARA BEKERJA SEMASA PKPP

3. Pengarah Ukur Bahagian / Pengarah Bahagian / Pengarah Ukur Pemetaan Negeri (PUB / PB / PUPN) adalah bertanggungjawab memastikan garis panduan yang dikeluarkan dipatuhi selain memastikan pegawai yang layak untuk Bekerja dari Rumah (BDR). Pegawai JUPEM yang layak untuk BDR adalah tertakluk kepada kelulusan Pengarah Ukur Bahagian / Pengarah Bahagian / Pengarah Ukur Pemetaan Negeri (PUB / PB / PUPN) menggunakan borang **JUPEM.BPK.100-1/2/1 (4) di Lampiran 'A'**. Pertimbangan BDR hendaklah mengambil kira kebajikan pegawai dengan memperhalusi perkara - perkara seperti berikut :

- i) Pegawai yang mempunyai anak yang berumur kurang dari 12 tahun;
- ii) Pegawai yang mempunyai anak kecil atau berstatus OKU dan perlu penjagaan berterusan;
- iii) Pegawai yang mempunyai rekod kesihatan melibatkan penyakit kritikal dan berisiko tinggi kepada jangkitan COVID-19.

4. Bagi pelaksanaan BDR terdapat pilihan pelaksanaannya samaada BDR atau Fleksi BDR adalah merujuk kepada Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bilangan 2 Tahun 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. (PUB / PB / PUPN) hendaklah mematuhi arahan tersebut bagi pelaksanaan di bahagian dan JUPEM Negeri masing – masing.

TATACARA PELAKSANAAN PEROLEHAN KERAJAAN SEMASA PKPP

5. Perolehan Kerajaan adalah tertakluk kepada peraturan - peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (*Ministry of Finance / MOF*). Berikutan wujud keperluan bagi perolehan *hand sanitizer*, termometer dan topeng muka bagi mengelakkan penularan COVID-19, Pengarah Ukur Bahagian / Pengarah Ukur Pemetaan Negeri (PUB / PUPN) boleh membuat perolehan item tersebut dengan merujuk kepada Soalan Lazim Perolehan Kerajaan Berikutan Pelaksanaan PKPP di Bawah Akta Pencegahan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 Akibat Wabak COVID - 19 bertarikh 10 April 2020 yang dikeluarkan oleh Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF dan Pekeliling Perbendaharaan PB3.3 Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP55) dan Perolehan Darurat (173.2). Perolehan di peringkat Ibu Pejabat akan diselaraskan dan dilaksanakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan.

PELAPORAN SEKIRANYA DISYAKI ATAU POSITIF JANGKITAN

6. Mana - mana pegawai JUPEM yang disyaki atau positif COVID-19 dalam tempoh pelaksanaan PKPP ini hendaklah dengan secara sukarela memaklumkan kepada Pengarah Ukur Bahagian / Pengarah Bahagian / Pengarah Ukur Pemetaan Negeri (PUB / PB / PUPN) masing-masing. Pegawai juga perlu menjalani pemerhatian sendiri (*self-monitoring*) di rumah atau mendapatkan rawatan pemulihan di hospital.

PEMAKAIAN GARIS PANDUAN DAN TARIKH KUAT KUASA

7. Garis Panduan ini dikeluarkan bagi memastikan semua Pengarah Ukur Bahagian / Pengarah Ukur Pemetaan Negeri (PUB / PUPN) mempunyai rujukan dan panduan untuk bertindak sepanjang tempoh penguatkuasaan PKPP ini dilaksanakan. Garis panduan ini adalah terpakai kepada semua Bahagian / JUPEM Negeri / Pejabat Ukur Daerah / Jajahan dan Pejabat Topografi Wilayah.

8. Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan / Surat Pekeliling / Surat Arahan dan Pemakluman lain yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan juga badan-badan penguatkuasa di Malaysia seperti Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

WAKTU OPERASI PEJABAT, PUSAT KHIDMAT PELANGGAN DAN KERJALUAR

9. Waktu operasi bagi pejabat, pusat khidmat pelanggan (Perkhidmatan Kaunter) dan kerjalar adalah seperti berikut:

LOKASI	WAKTU OPERASI
Pejabat	<p>Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2017</p> <p>Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2019</p>
Pusat Khidmat Pelanggan (Perkhidmatan Kaunter)	Mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 8 Tahun 2005
Kerjalar	Mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 5 Tahun 2005.

10. Walau bagaimanapun, pelaporan kehadiran secara harian sebagaimana yang sedang dilaksanakan adalah kekal dan Pengarah Ukur Bahagian / Pengarah Bahagian / Pengarah Ukur Pemetaan Negeri (PUB / PB / PUPN) atau wakil yang dilantik perlu melaporkan jumlah kehadiran pegawai ke pejabat setiap hari mengikut keperluan.

PERTANYAAN

11. Pertanyaan mengenai pelaksanaan Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada sekretariat Jawatankuasa *Return To Work* JUPEM seperti berikut :

Sr Tsalimy bin Abdullah

Telefon : 03-26170842 / 012-8967357

Emel : tsalimy@jupem.gov.my

Sr Mohd Hilmi bin Abdullah

Telefon : 03-26170959 / 019-7274840

Emel : mohdhilmi@jupem.gov.my

PENUTUP

12. Penjelasan secara infografik Pelan ***Return To Work (RTW)*** turut dikemukakan bersama dengan Garis Panduan ini. Adalah diharapkan dengan adanya Garis Panduan serta Pelan ***Return To Work (RTW)*** ini pelaksanaan PKPP di JUPEM lebih teratur dengan mengamalkan norma baharu serta tidak menjejaskan penyampaian perkhidmatandan ukur kadaster, pemetaan dan penyebaran maklumat geospasial.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' Sr DR. AZHARI BIN MOHAMED)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia

12 Jun 2020

20 Syawal 1441H